

Tiada PBT capai taraf 5 bintang

GEORGETOWN: Tiada pihak berkuasa tempatan (PBT) di negara ini layak diberi taraf lima bintang berdasarkan Sistem Penggredan Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT) yang diperkenalkan tahun lalu.

Bagaimanapun, 10 PBT berjaya menerima taraf empat bintang dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menduduki kedudukan teratas dalam senarai itu selepas berjaya mengutip 84.5 markah.

Majlis Daerah Bandar Baharu, Kedah pula menduduki tempat tercorot daripada 98 PBT seluruh negara apabila setakat mencatat 29 markah.

Keputusan itu disiarkan dalam laman web rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan.

Selain itu, sembilan lagi PBT yang mendapat empat bintang ialah Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan 84.40 markah, Majlis Bandaraya Putrajaya (80.50), Majlis Perbandaran Kuantan (80.25), Majlis Bandaraya Alor Setar (80.10), Majlis Bandaraya Johor Bahru (79.40), Majlis Perbandaran Gajah (77.45), Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (77.40), Majlis Perbandaran Klang (76.20) dan Majlis Perbandaran

darat (76.10).
Sementara itu, PBT yang memperoleh empat bintang akan menerima sijil anugerah.

"Pemenang juga akan menerima peruntukan khas RM200,000 bagi melaksanakan projek pembangunan yang dikenal pasti PBT itu," kata kenyataan dalam laman web itu.

Sebanyak 98 PBT di seluruh negara dinilai mengikut sistem berkenaan sepanjang tahun lalu. Berdasarkan penilaian itu, sebanyak 24 PBT memperoleh tiga bintang dengan markah antara 60.25 hingga 74.95.

Apa yang menarik, tiga PBT berstatus majlis daerah mendapat tiga bintang iaitu Majlis Daerah Kuala Langat, Majlis Daerah Pekan dan Majlis Daerah Kerian.

Berdasarkan keputusan itu, 47 peratus atau 46 PBT memperoleh dua bintang dengan markah antara 46 hingga 58.85.

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu satu-satunya PBT yang berstatus majlis bandar raya memperoleh dua bintang.

Sebanyak 18 PBT memperoleh satu bintang dengan markah antara 29 hingga 45.80 peratus. Semua PBT yang memperoleh satu bintang adalah dalam kategori majlis daerah.